



Seri Paduka hadir majlis doa selamat Hari Pahlawan

BH - 19/9/2019
m/s: 5

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan berangkat menghadiri majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat sempena Sambutan Hari Pahlawan 2019 di Masjid Negara, semalam. Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Keberangkatan tiba Al-Sultan Abdullah pada jam 7.10 malam disambut Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad. Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah kemudian berkenan menunaikan solat Maghrib, diikuti dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat yang diketuai Syaikh Ismail, diikuti solat Isyak sebelum berangkat meninggalkan majlis pada jam 9 malam.

(Foto BERNAMA)